

## Kesedaran Pendidikan Keusahawanan Terhadap Kerjaya Kanak-Kanak di Masa Hadapan: Satu Tinjauan Literatur

*(Awareness of Entrepreneurship Education Towards Children's Career in the Future: A literature Review)*

Naldo Janius<sup>1\*</sup>, Nurul Erra Hadira Binti Jahadi<sup>2</sup>  
Siti Nuraisyah Liyana Binti Abdullah<sup>3</sup>, Mathilda Simon Ling<sup>4</sup>

<sup>1</sup>North Borneo University College, Wisma Angkatan Hebat, One Borneo Mall, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

Email: [naldo@nbuc.edu.my](mailto:naldo@nbuc.edu.my)

<sup>2</sup>North Borneo University College, Wisma Angkatan Hebat, One Borneo Mall, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

Email: [nurulerra@nbuc.edu.my](mailto:nurulerra@nbuc.edu.my)

<sup>3</sup>North Borneo University College, Wisma Angkatan Hebat, One Borneo Mall, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

Email: [aisyah@nbuc.edu.my](mailto:aisyah@nbuc.edu.my)

<sup>4</sup>North Borneo University College, Wisma Angkatan Hebat, One Borneo Mall, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

Email: [mathildasimon@nbuc.edu.my](mailto:mathildasimon@nbuc.edu.my)

### CORRESPONDING

#### AUTHOR (\*):

Naldo Janius  
([naldon39@rocketmail.com](mailto:naldon39@rocketmail.com))

### KATA KUNCI:

Pendidikan Keusahawanan  
Kerjaya Kanak-kanak  
Masa Depan Kanak-Kanak

### KEYWORDS:

Entrepreneurship Education  
Child Careers  
The Future of Children

### CITATION:

Naldo Janius et al. (2023). Kesedaran Pendidikan Keusahawanan Terhadap Kerjaya Kanak-Kanak di Masa Hadapan: Satu Tinjauan Literatur. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(5), e002286.  
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i5.2286>

### ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kesedaran dalam memupuk keusahawanan pada peringkat awal kanak-kanak melalui pendidikan keusahawanan. Kajian ini mempunyai tiga objektif utama iaitu mengenal pasti kesan pendidikan keusahawanan terhadap kanak-kanak dalam jangka masa panjang dan jangan masa pendek, mengenal pasti cara untuk menarik minat kanak-kanak dalam mempelajari ilmu keusahawanan dan mengenal pasti kepentingan pendidikan keusahawanan terhadap aspek pekerjaan. Penyelidikan menunjukkan bahawa pendidikan keusahawanan pada peringkat awal kanak-kanak merupakan persediaan buat mereka bagi menghadapi alam pekerjaan pada masa hadapan kelak. Oleh itu, pengkaji mendapati pendidikan keusahawanan amat membantu dalam perkembangan kreativiti dalam diri kanak-kanak yang mana selaras dengan ciri-ciri seorang usahawan berjaya iaitu kreatif dan berinovasi.

### ABSTRACT

This study aims to identify awareness in fostering entrepreneurship in early childhood through entrepreneurship education. This study has three main objectives which are to identify the effects of entrepreneurship education on children in the long term and not the short term, to identify ways to interest children in learning entrepreneurship and to identify the importance

of entrepreneurship education to the employment aspect. Research shows that entrepreneurship education in the early stages of children is a preparation for them to face the world of work in the future. Therefore, the researcher found that entrepreneurship education is very helpful in the development of creativity in children which is in line with the characteristics of a successful entrepreneur which is creative and innovative.

**Sumbangan/Keaslian:** Kajian menyumbang kepada literatur pendidikan keusahawanan terhadap kerjaya anak-anak yang boleh dijadikan rujukan dan panduan kepada warga pendidik dan ibu bapa.

## 1. Pengenalan

Keusahawanan sering dikaitkan dengan keupayaan dan kemahiran mengejar peluang, penciptaan perniagaan, mencari keuntungan dan mencipta peluang pekerjaan baru adalah merupakan perspektif yang wujud dalam bidang keusahawanan (Prince, Chapman & Cassey, 2021). Keusahawanan bukan sahaja untuk golongan dewasa tetapi keusahawanan ini juga pula diterapkan dalam Pendidikan awal kanak-kanak. Menurut Molina (2020) menyatakan bahawa kemungkinan besar usahawan muda memulakan perniagaan adalah didorong oleh motivasi sebagai peluang kerjaya awal mereka.

Pendidikan keusahawanan pada hari ini adalah penting sebagai persediaan masa hadapan. Oleh sebab persekitaran ekonomi yang semakin bergelora dan berdaya saing, firma telah mencari cara untuk mengurus inovasi dan menjana kelebihan daya saing (Hayes, 2021). Oleh hal demikian pendidikan keusahawanan perlu diperluaskan pada hari ini bagi membuka ruang kepada sesiapa yang cenderung untuk menjadi usahawan atau ingin menjadikan usahawan sebagai kerjaya meskipun telah mempunyai pekerjaan tetap pada masa yang sama.

Di samping itu, transformasi ilmu keusahawanan telah berkembang dalam dunia pendidikan akhir-akhir ini. Satu bentuk transformasi ini adalah melalui pendidikan keusahawanan. Keusahawanan pendidikan merupakan salah satu bentuk kesedaran aplikasi pendidikan kepada kemajuan negara (Janius, Ishar, Bang, Sid & Wong, 2023). Oleh itu, pendidikan keusahawanan terhadap kanak-kanak juga penting sebagai persediaan mereka dalam menghadapi cabaran alam pekerjaan pada masa hadapan yang semakin meningkat.

## 2. Latar Belakang Masalah Kajian

Pendidikan keusahawanan ditunjukkan dalam nilai dan bentuk pemprosesan idea yang ditambah pula melalui kreativiti individu masing-masing untuk mencapai kejayaan secara berdikari. Pendidikan keusahawanan mampu menyokong pembelajaran dan pembangunan sahsiah kanak-kanak (Janius, Ishar, Bang, Sid & Wong, 2023). Bukan itu sahaja, keusahawanan bukan sahaja terhad kepada aktiviti dalam bidang perniagaan dan keuntungan, yang menjadikan keusahawanan menjadi menarik untuk difahami dan tetapi juga membantu kepada perkembangan kreativiti.

Menurut Hasmawaty, Syam dan Saman (2020), keperluan pendidikan keusahawanan untuk golongan muda bertujuan untuk membangunkan kemahiran yang diperlukan

untuk mengenal pasti peluang perniagaan yang berdaya maju suatu hari nanti. Selain itu, pendidikan keusahawanan untuk kanak-kanak berguna untuk menyediakan mereka untuk menghadapi tuntutan masyarakat dalam buruh pasaran, yang mempunyai hala tuju yang tidak dijangka dalam beberapa dekad masa akan datang.

Berdasarkan artikel [Sabri, Wijekoon, Ramli dan Moga Dass \(2019\)](#) antara domain utama keusahawanan kanak-kanak yang berjaya yang boleh diusahakan di rumah ialah melibatkan pendidikan tentang wang, menyimpan wang dan perbelanjaan, dan kebolehan mengenal pasti untung dan rugi dalam setiap jual beli. Selain itu, kesediaan untuk menghadapi kejadian yang tidak dijangka, dan kebolehan berfikir secara logik dan rasional ketika berbelanja. Ini kerana, apabila anak-anak didedahkan dengan dunia sebenar, mereka sedikit sebanyak dapat membiasakan diri dan tahu mengurus diri dengan bijak dan berhemah.

[Rahman, Pihie, Othman dan Harun \(2017\)](#) menyatakan bahawa semangat dan minat terhadap bidang keusahawanan perlu diterapkan seawal mungkin dalam kalangan kanak-kanak. Oleh itu pihak Kementerian Pendidikan Malaysia perlu sentiasa melatih guru-guru kaedah yang menarik dan sesuai untuk menerapkan pendidikan keusahawanan terhadap kanak-kanak dengan menghubungkaitkan keadaan keusahawanan semasa dengan situasi sebenar. Melalui cara ini kanak-kanak lebih mudah memahami konsep-konsep keusahawanan.

Pada hari ini, tawaran peluang pekerjaan adalah sangat terhad. Disebabkan situasi ini, terdapat ramainya para graduan atau lepasan sekolah menganggur. Namun begitu, dengan wujudnya pendidikan keusahawanan ini sedikit sebanyak membantu mereka menghadapi cabaran alam pekerjaan. Menurut [Apriana, Kristiawan dan Wardiah \(2019\)](#), apabila masalah peluang pekerjaan makin berlarutan maka hal ini adalah sangat membimbangkan. Pengangguran biasanya disebabkan oleh bilangan tenaga kerja atau pencari kerja tidak terhad dengan bilangan pekerjaan yang mampu menyerapnya.

Seperti yang diketahui bahawa keusahawanan adalah kreatif dan inovatif keupayaan yang digunakan sebagai asas, petua, dan sumber untuk mencari peluang untuk berjaya. Intipati daripada keusahawanan ialah kebolehan mencipta sesuatu baharu dan berbeza melalui pemikiran kreatif dan tindakan inovatif untuk mencipta peluang ([Suzanti & Maesaroh, 2017](#)). Daripada petikan tersebut dapat dilihat bahawa mempelajari keusahawanan adalah sangat memberi kesan terhadap diri seseorang terutamanya kanak-kanak. apabila kanak-kanak dewasa kelak mereka akan mampu untuk berfikiran kreatif dari segi mengatur perjalanan hidup mereka terutamanya semasa membuat pilihan dalam menceburi bidang-bidang tertentu untuk masa hadapan mereka ([Janius, Ishar, Yusof, Bang, Sid & Wong, 2023](#)).

Keseluruhannya, budaya keusahawanan yang diterapkan ketika kanak-kanak di usia muda sebenarnya dapat melahirkan seorang insan yang mampu mengharungi cabaran kerjaya dan merupakan aset penting kepada negara pada masa akan datang. Pendidikan keusahawanan adalah sebagai alat persediaan untuk kanak-kanak menghadapi persaingan yang bakal ditempuhi mereka kelak terutamanya persaingan untuk mendapatkn pekerjaan. Melihat kepada situasi lambakan graduan dengan pekerjaan terhad, ilmu keusahawanan yang kanak-kanak pelajari boleh digunakan untuk mereka mencipta sesuatu perniagaan yang menguntungkan ([Yetti & Azizah, 2016](#)).

### 3. Objektif Kajian

Terdapat tiga objektif kajian utama telah dikenalpasti adalah seperti berikut.

- i. Untuk mengenal pasti pendidikan keusahawanan terhadap kanak-kanak dalam jangka masa pendek dan jangka masa panjang.
- ii. Untuk mengenal pasti cara untuk menarik minat kanak-kanak dalam mempelajari ilmu keusahawanan.
- iii. Untuk mengenal kepentingan pendidikan keusahawanan terhadap aspek pekerjaan kanak-kanak.

### 4. Kajian Literatur

Mengikut kajian daripada [Suzanti dan Maesaroh \(2017\)](#), ada menyatakan bahawa pembentukan semangat keusahawanan terutamanya pada kanak-kanak tidak berlaku dalam masa yang singkat, tetapi ia mengambil masa sebagai proses perkembangan kanak-kanak. Mereka boleh diarahkan untuk membentuk semangat keusahawanan mereka. Pembentukan semangat keusahawanan ialah bukan aktiviti membentuk anak menjadi seorang usahawan secara langsung, tetapi ianya boleh dihayati secara perlahan-lahan terhadap diri kanak-kanak.

Menurut [Vakili, Tahmasebi, Tahmasebi dan Tahmasebi \(2016\)](#) dalam kajian mereka pula ada menyatakan bahawa pendidikan untuk kreativiti, inovasi dan keusahawanan harus bermula dari peringkat awal kanak-kanak. Kajian ini adalah mengenai peranan pendidikan dalam pembangunan keusahawanan. Ini menunjukkan bahawa pendidikan keusahawanan seharusnya perlu diterapkan dalam diri kanak-kanak sejak dari kecil lagi. Daripada kajian lepas ini juga dapat difahami bahawa Pendidikan keusahawanan mampu mendidik kanak-kanak ke arah lebih kreatif dalam pelbagai situasi.

Pendidikan keusahawanan juga telah menjadi isu global yang telah mengambil perhatian ramai dan dianggap sebagai pendidikan mantap dalam beberapa dekad yang lalu ([Hasmawaty, Husain Syam & Abdul Saman, 2020](#)). Mereka malah menyatakan bahawa keperluan pendidikan keusahawanan untuk golongan muda adalah bertujuan untuk membangunkan kemahiran yang diperlukan untuk mengenal pasti peluang perniagaan yang berdaya maju suatu hari nanti. Daripada pernyataan tersebut dapat difahami bahawa sejak berdekad lalu pendidikan keusahawanan ini sangat dititikberatkan juga dalam pendidikan formal.

[Wei, Liu dan Sha \(2019\)](#) juga ada menyatakan dalam kajian mereka bahawa pendidikan keusahawanan adalah penting untuk memupuk bakat inovatif yang mana pendidikan sebegini penting sebagai kekuatan untuk pembangunan masa hadapan. Disamping itu juga, selaras dengan perubahan pembangunan semasa yang lebih memfokuskan kepada pendidikan keusahawanan untuk kanak-kanak lebih berdaya saing pada masa hadapan. Pada masa hadapan, nasib kanak-kanak adalah sangat mencabar untuk mereka terutamanya dalam aspek mendapatkan pekerjaan yang stabil. Keusahawanan akan membuka peluang yang besar kepada mereka kelak untuk menjalankan perniagaan yang menguntungkan. Dalam [Berita Harian \(2020\)](#) yang bertajuk Agromakanan Buka Peluang Perniagaan untuk Orang Muda, ada membuat pernyataan bahawa agromakanan buka peluang perniagaan untuk orang muda. Hal ini demikian kerana sektor-sektor perniagaan yang melibatkan pemprosesan memerlukan tenaga kerja yang muda untuk memperhalusi perniagaan.

Selaras dengan perkembangan pembangunan yang semakin pesat dengan kemajuan dan persaingan dunia maka adalah sangat perlu kanak-kanak pada hari ini dipaksa untuk membentuk diri mereka yang mampu bersaing. Menurut [Abdul Halim \(2021\)](#) pembudayaan budaya baharu yang berfaedah dalam erti kata lain merupakan norma baharu yang perlu diberi perhatian dalam memastikan kanak-kanak mendapat pendidikan keusahawan yang tidak dipandang penting. Terdapat dua pendekatan telah dibentuk oleh kementerian pendidikan Malaysia iaitu seperti KBAT (Kreativiti dan Inovasi, Kemahiran Berfikir aras tinggi) dan STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan, dan Matematik) yang merupakan antara usaha bagi memastikan perkembangan seimbang dan menyeluruh dalam diri kanak-kanak dan pelajar khususnya. Namun begitu, sebagai persediaan anak-anak dari segi kemahiran dalam aspek kerjaya, elemen keusahawanan dan kewangan juga penting dalam menghadapi cabaran hidup apabila tumbuh dewasa dengan situasi dunia yang semakin moden.

## 5. Perbincangan

[Kirkley \(2017\)](#) dalam kajiannya menjelaskan terdapat formula untuk penyesuaian budaya yang berjaya untuk kanak-kanak dalam keusahawanan terletak pada penyertaan, kemasukan, perkongsian dan sokongan merentasi semua kumpulan berkepentingan dalam komuniti. Memupuk kemahiran keusahawanan dalam kalangan kanak-kanak boleh menjadi cara yang berharga untuk menggalakkan kreativiti, penyelesaian masalah, dan pemikiran kritis sejak kecil.

Terdapat beberapa idea dan strategi untuk memupuk keusahawanan dalam kalangan kanak-kanak seperti memberi peluang kepada kanak-kanak meneroka minat, minat dan menggalakkan mereka berfikir di luar kotak, mengeluarkan idea baharu, dan mengekspresikan kreativiti mereka melalui pelbagai aktiviti seperti seni, muzik, menulis, atau mencipta. Pupuk minda pertumbuhan. Ajar mereka bahawa kegagalan dan kemunduran adalah sebahagian daripada proses pembelajaran dan mereka boleh belajar daripadanya. Beri mereka peluang untuk menangani cabaran, sumbang saran penyelesaian, dan berfikir secara analitikal dan galakkan mereka bertanya soalan dan mencari perspektif alternatif. Akhir sekali, bantu kanak-kanak memahami bahawa kegagalan adalah sebahagian daripada perjalanan keusahawanan daripada kesilapan mereka dan tidak berputus asa dengan halangan. Keusahawanan adalah perjalanan sepanjang hayat, dan matlamatnya adalah untuk menyemai minda keusahawanan dalam diri kanak-kanak dan bukannya menumpukan semata-mata untuk mencipta usaha niaga perniagaan yang berjaya.

Sehubungan dengan itu, kanak-kanak perlu mempunyai pelbagai kemahiran dalam diri mereka terutamanya kemahiran kreativiti. Menurut [Othman et al. \(2019\)](#) serta [Fadel et al. \(2022\)](#) kemahiran kreativiti menekankan elemen seperti mengenal pasti peluang, mereka secara kreatif dan membangunkan produk baru. Kemahiran keusahawanan merupakan salah satu daripada kemahiran kesediaan kerja. Sebagai contoh, kanak-kanak boleh didedahkan dengan memulakan perniagaan perkhidmatan yang menawarkan penjagaan rumput, menyapu daun, membuang salji dan menjalankan tugas mudah. Kanak-kanak juga boleh membuat risalah dan mencari pelanggan dengan melawat jiran dan meminta rujukan dengan bantuan ibu bapa.

[Plunkett \(2019\)](#) menerangkan kanak-kanak yang mempunyai impian keusahawanan boleh bermula dengan bantuan orang dewasa sebelum mereka mencapai sekolah menengah. Walaupun gerai air limau merupakan usaha pertama yang sangat penting



dalam bidang keusahawanan, teknologi telah membolehkan kanak-kanak kecil menjalankan pelbagai jenis perniagaan yang mana bersesuaian dengan konsep keusahawanan ialah proses untuk mengenalpasti, menilai dan mengeksploitasi sesuatu peluang itu serta meningkatkan keupayaan seseorang usahawan itu merebut peluang yang tidak dapat dilihat oleh orang lain (Karlsson, Rickardsson & Wincent, 2021). Kemahiran keusahawanan telah dilihat sebagai kebolehan, kemampuan dan peluang untuk seseorang graduan itu bekerja sendiri dan membina kerjaya atas usaha sendiri daripada awal perniagaan hingga berjaya dalam perniagaan yang dapat memberi kesan yang positif terhadap ekonomi negara, membuka lebih banyak peluang perniagaan.

Terdapat beberapa cara terbaik untuk ibu bapa memupuk keusahawanan dalam diri kanak-kanak. Antaranya ialah melatih anak-anak untuk berniaga secara kecil-kecilan (Shepherd, Parida & Wincent, 2021). Terdapat kanak-kanak yang mempunyai bakat dan kemahiran yang lebih baik daripada yang lain, kanak-kanak ini boleh dilatih dan diperkenalkan dengan kehidupan perniagaan sebenar. Sebagai contoh, jika kanak-kanak itu boleh melukis dengan baik, beritahu mereka untuk menjual lukisan itu kepada orang lain atau tawarkan rakan mereka sesuatu untuk dilukis dengan gaji minimum (Ismawi, Ishar & Janius, 2022). Selain itu, wang saku diberikan kepada anak-anak dengan dijadikan modal awal untuk membeli pensel dalam jumlah yang banyak. Dengan ini, anak-anak boleh menjual semula pensel tersebut dengan harga yang lebih tinggi sedikit kepada orang lain atau rakan-rakan di sekolah.

## 6. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, penerapan pendidikan keusahawanan dalam diri kanak-kanak adalah sangat penting. Pendidikan keusahawanan memberi peluang untuk pertumbuhan dan perkembangan potensi kreatif dalam kanak-kanak. Nilai-nilai keusahawanan akan menjadi sebuah ciri yang boleh digunakan oleh kanak-kanak untuk bergaul dan berinteraksi serta berdaya saing pada masa hadapan. Di samping itu, penerapan pendidikan keushawanan mampu memberi lebih banyak ruang kepada kanak-kanak untuk menguasai dunia digital dan teknologi terkini.

Tidak hanya tanggungjawab guru mahupun ibu bapa, pihak berkaitan juga perlu mengambil berat terhadap kepentingan Pendidikan keusahawanan ini terutamanya pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Mereka perlu menyediakan kemudahan yang lengkap untuk kanak-kanak di sekolah menjalani Pendidikan keusahawanan secara berkesan melalui aktiviti seperti penanaman sayur yang mana hasil tanaman tersebut boleh dijual kepada komuniti luar. Justeru, semua pihak perlu bekerjasama untuk memberi galakan kepada kanak-kanak agar mereka lebih bersemangat dan seronok dalam menjalani pendidikan keusahawanan tersebut sama ada secara langsung atau bukan secara langsung.

## Penghargaan (*Acknowledgement*)

Ucapan ini ditujukan khas kepada ibu bapa dan keluarga yang telah terlibat dalam menjayakan kajian ini sama ada secara langsung atau tidak. Saya amat menghargai segala bantuan yang telah diberikan kerana tanpa bantuan dan sokongan mereka semua kajian ini mungkin tidak dapat dijalankan dengan sempurna.

### **Kewangan (*Funding*)**

Proses penyelidikan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan daripada mana-mana pihak. Begitupun, yuran penerbitan kajian ditanggung sepenuhnya oleh North Borneo University College (tempat berkhidmat).

### **Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)**

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarang atau penerbitan kajian ini. Tujuan utama kajian ini dibuat adalah demi masa depan pendidikan awal kanak-kanak.

### **Rujukan**

- Abdul Halim Masnan (26 Jun 2021). Memupuk Pendidikan Keusahawanan Kanak-kanak Abad 21. *Sinar Harian*.  
<https://sinarbestari.sinarharian.com.my/komuniti/memupuk-pendidikan-keusahawanan-kanak-kanak-abad-ke-2>
- Apriana, D., Kristiawan, M., & Wardiah, D. (2019). Headmaster's competency in preparing vocational school students for entrepreneurship. *International Journal of Scientific & Technology Research*, 8(8), 1316-1330.
- Berita Harian, (2022). Agromakanan buka peluang perniagaan untuk orang muda. *Berita Harian*.  
<https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2022/08/987160/agromakanan-buka-peluang-perniagaan-untuk-orang-muda>
- Fadel, N. S. M., Ishar, M. I. M., Jabor, M. K., Ahyar, N. A. M., & Janius, N. (2022). Application of Soft Skills Among Prospective TVET Teachers to Face the Industrial Revolution 4.0. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(6), e001562-e001562.
- Hayes, A. S. (2021). The active construction of passive investors: roboadvisors and algorithmic 'low-finance'. *Socio-Economic Review*, 19(1), 83-110.
- Hasmawaty, H., Syam, H., & Saman, A. (2020). Validity, practicality, and effectiveness: The last step in development of entrepreneurship education based role-playing for kindergarten. *Universal Journal of Educational Research*, 8(12B), 8092-8101.
- Ismawi, S. N. M., Ishar, M. I. M., & Janius, N. (2022). Workability Elements of Post-Diploma Students in Construction Technology From Vocational Colleges in Malaysia. *Journal Teknikal & Kajian Sosial (JUTEKS)*, 21(1).
- Karlsson, C., Rickardsson, J., & Wincent, J. (2021). Diversity, innovation and entrepreneurship: where are we and where should we go in future studies?. *Small Business Economics*, 56(2), 759-772.
- Kirkley, W. W. (2017). Cultivating entrepreneurial behaviour: entrepreneurship education in secondary schools. *Asia Pacific Journal of Innovation and Entrepreneurship*, 11(1), 17-37.
- Molina, J. A. (2020). Family and entrepreneurship: New empirical and theoretical results. *Journal of Family and Economic Issues*, 41, 1-3.
- Janius, N., Ishar, M. I. M., Bang, P., Sid, R., & Wong, G. (2023). The Effects of Music towards the Mathematical Language Development of Children. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(4), e002249-e002249.

- Janius, N., Ishar, M. I. M., Yusof, Y., Bang, P., Sid, R., & Wong, G. (2023). Belajar Sambil Bermain di dalam Kelas Pada Peringkat Pendidikan Awal Kanak-Kanak. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(4), e002248-e002248.
- Othman, N., Hisam, M., Sa'adah, N., Rahman, R. A., Aishah, R. S., & Sahid, S. (2019). Entrepreneurial self-efficacy and entrepreneurial intention among Polytechnic students involved in entrepreneurship education. *International Conference on Accounting and Management*. Faculty of Accountancy, Universiti Teknologi MARA Puncak Alam, Selangor,
- Plunkett, L. A. (2019). *Sharent hood: Why we should think before we talk about our kids online*. Mit Press.
- Prince, S., Chapman, S., & Cassey, P. (2021). The definition of entrepreneurship: is it less complex than we think?. *International Journal of Entrepreneurial Behavior & Research*, 27(9), 26-47.
- Rahman, R. S. A. R. A., Pihie, Z. A. L., Othman, N., & Harun, H. (2017). Penguasaan Kemahiran Keusahawanan Sosial Dalam Kalangan Pelajar Universiti Awam Di Malaysia. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 3(7), 24- 31.
- Sabri, M. F., Wijekoon, R., Ramli, N. N., & Moga Dass, T. (2019). The impact of Smart Money Kit on children's financial knowledge, attitude and behavior. *ESTEEM Journal of Social Sciences and Humanities*, 3, 48-59.
- Shepherd, D. A., Parida, V., & Wincent, J. (2021). Entrepreneurship and poverty alleviation: the importance of health and children's education for slum entrepreneurs. *Entrepreneurship Theory and Practice*, 45(2), 350-385.
- Suzanti, L., & Maesaroh, S. (2017). Entrepreneurship Learning for Early Childhood. In *Proceedings of the 2nd International Conference on Economic Education and Entrepreneurship (ICEEE 2017)*, Iceee (pp. 403-410).
- Vakili, F., Tahmasebi, N., Tahmasebi, S., & Tahmasebi, D. (2016). Role of education in entrepreneurship development. *Journal of Ecophysiology and Occupational Health*, 78-87.
- Wei, X., Liu, X., & Sha, J. (2019). How does the entrepreneurship education influence the students' innovation? Testing on the multiple mediation model. *Frontiers in Psychology*, 10, 1557.
- Yetti, E., & Azizah, S. A. (2016, November). Improved Creativity in Early Childhood through Entrepreneurship Educatio. In *3rd International Conference on Early Childhood Education (ICECE 2016)* (pp. 399-403). Atlantis Press.